

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)14**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB HENG LEE LEE**

14. Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan bilangan dan tempat membina *elevated station* dalam sistem LRT.
  - (b) Nyatakan jangkaan bilangan tempat letak kereta yang akan disediakan di setiap stesen.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada Mac 2024 yang lalu.
- (a) Pihak MRT Corp memaklumkan bahawa terdapat 20 stesen di bahagian pulau dan satu (1) stesen di Penang Sentral bagi jajaran Laluan Mutiara ini untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai melalui Komtar ke Bayan Lepas. Kesemua stesen yang dirancang adalah secara bertingkat (*elevated*). Justeru, jajaran muktamad Projek Transit Aliran

Ringan (LRT) Laluan Mutiara ini dicadangkan bermula dari Pulau Silikon dan menuju ke arah utara melalui beberapa stesen iaitu Permatang Damar Laut, PIA, Sungai Tiram, FIZ South, FIZ, Jalan Tengah, SPICE, Bukit Jambul, Sungai Nibong, Sungai Dua, Batu Uban, Jalan Universiti, Gelugor, Penang Waterfront, East Jelutong, Sungai Pinang, Bandar Sri Pinang, Macallum dan KOMTAR. Jajaran akan bersambung ke Penang Sentral dari Stesen Macallum melalui jambatan merentasi laut. Perincian lokasi stesen masih dalam peringkat pemuktamadan pihak MRT Corp.

(b) Terdapat 9 stesen akan menyediakan kemudahan “*park n ride*” di dalam perancangan setiap stesen LRT, tertakluk kepada hal-hal pengambilan tanah. Dianggarkan lebih kurang 1,100 parkir dicadangkan di stesen-stesen berikut:

- (i) Permatang Damar Laut;
- (ii) Jalan Tengah;
- (iii) Bukit Jambul;
- (iv) Sungai Dua;
- (v) Jalan Universiti; dan
- (vi) Penang Sentral.

Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.